



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS, 29 APRIL 2021

1	Dalam tempoh empat bulan, empat kali harga dedak naik
2	AP sementara atasi isu harga ayam, dedak
3	Lain kerajaan, cara pentadbirannya
4	Seludup ayam sabung, murai batu guna bot
5	71 ayam sabung dirampas

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13



PENTERNAK memberi makan kambing ternakannya di Arau, Perlis. Harga dedak dikatakan mengalami peningkatan sebanyak empat kali dalam tempoh empat bulan ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

Dalam tempoh empat bulan, empat kali harga dedak naik

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Golongan penternak dilihat semakin terkesan apabila harga dedak terus menunjukkan peningkatan cukup ketara.

Dalam tempoh empat bulan sepanjang tahun ini, sudah empat kali harga makanan haiwan peliharaan itu naik.

Malah harga dedak dari sekitar RM65 sehingga RM67 bagi

berat 50 kilogram dikatakan naik RM2.50, sekali gus menyebabkan golongan penternak terpaksa mengeluarkan lebih kos.

Sebelum ini, harga dedak hanya sekitar RM55 bagi berat 50 kilogram sebelum terus mengalami kenaikan demi kenaikan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dan berlarutan sehingga kini.

Seorang penternak kambing, Husmizar Hussain, 41, berkata, kenaikan harga dedak soya putih

itu cukup memberi kesan kepadanya yang perlu menggunakan bekalan dedak sebanyak 50 kilogram setiap hari.

Dia yang menternak kira-kira 80 ekor kambing berkata, sejak awal tahun ini, sudah empat kali harga dedak mengalami kenaikan sehingga mencecah antara RM5 atau RM6 bagi setiap 50 kilogram itu.

“Jika kenaikan sebelum ini saya perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan sekitar RM300 sebulan dan kenaikan terbaharu

ini bakal menyebabkan kos saya bertambah sehingga RM400 sebulan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambah Husmizar, mahu tidak mahu mereka perlu membeli dedak yang berkualiti itu meskipun mengalami kenaikan.

Katanya, dedak perlu digunakan setiap hari dan kenaikan harga secara tidak langsung memberi kesan khususnya mereka yang memelihara haiwan ternakan dalam kuantiti yang banyak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

AP sementara atasi isu harga ayam, dedak

IPOH: Kerajaan dicadang mengeluarkan Permit import (AP) sementara bagi membawa masuk bekalan ayam segar ke negara ini untuk mengatasi harga ayam yang tinggi di pasaran ketika ini.

Dalam masa sama, kerajaan juga dicadang mempertimbangkan mengeluarkan AP untuk mengatasi monopoli bahan membuat dedak iaitu jagung, soya import yang menjadi punca harga ayam melambung.

Pengerusi Persatuan Pernerak Ayam Perak, Nor Azhar Mohamed berkata, langkah mengeluarkan AP sementara merupakan penyelesaian segera isu kenaikan harga ayam yang berpunca daripada kenaikan harga makanan ternakan.

Katanya, isu kenaikan harga dedak perlu diatasi kerana meningkat sehingga 23 peratus dalam tempoh empat bulan, iaitu kenaikan tertinggi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

“Dulu, harga dedak tak naik setinggi sekarang. Dulu naik pun dalam RM3 atau RM4 dalam tempoh lima, enam tahun tapi sekarang daripada RM80 bagi berat 50 kilogram, kini naik sehingga RM108.

“Akibatnya, ada pernerak yang terpaksa tutup perniagaan terutama yang bela secara kecil-kecilan antara 2,000 hingga 3,000 ekor.

“Untuk mengimbangi monopoli, mungkin kerajaan boleh keluarkan AP sementara, import permit beli ayam beku dari Thailand. Untuk sementara juga, beri kepada Fama untuk import ayam, tidak semestinya kuantiti banyak, yang penting tiada pihak yang memanipulasi pasaran,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Nor Azhar berkata, kerajaan juga harus melihat kemungkinan berlaku monopoli dalam import bahan membuat dedak.

Katanya, jika itu berlaku, kerajaan harus mengeluarkan AP import bahan-bahan menghasilkan dedak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.04.2021	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	19

Lain kerajaan, lain cara pentadbirannya

SAUDARA PENGARANG,

TAHNIAH kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang akan mengeluarkan permit import (AP) bagi membawa masuk bekalan ayam segar ke negara ini.

Tindakan pantas yang dilakukan hari ini berbeza dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri daripada kerajaan terdahulu.

Masih teringat kata-kata seorang menteri suatu ketika dahulu: "Jika daging lembu dan ayam mahal, jangan makan daging lembu dan ayam." Pada ketika itu juga menteri menyatakan harga runcit ayam dan daging lembu masih terkawal.

Untuk pengetahuan, orang ramai mahu harga barangan pasar tidak dinaikkan semasa bulan Ramadan sehingga Hari Raya Aidilfitri.

Kerajaan hari ini dilihat berkaliber kerana mampu menentukan harga, bukannya pemborong yang menetapkan harga jualan runcit.

Justeru, peniaga diminta tidak mengambil kesempatan menaikkan harga ayam kerana mereka bakal mempunyai saingan iaitu daging ayam import sekali gus boleh menjejaskan pendapatan mereka

OMAR LOLO
Kuala Lumpur



TINDAKAN degil peniaga akan mendorong kerajaan mengeluarkan lesen import (AP), sekali gus akan mewujudkan lambakan ayam di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.04.2021	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	27

Seludup ayam sabung, murai batu guna bot

Nilai keseluruhan rampasan dianggar RM1.02 juta termasuk sebuah bot dengan dua enjin

Oleh ROSLINDA HASHIM

LANGKAWI

Malaysia dijadikan transit dan hab pelbagai spesis haiwan dan tumbuhan untuk diseludup ke negara jiran.

Pendedahan itu dibongkar Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kedah/Perlis apabila berjaya menumpaskan cubaan tiga lelaki warga Indonesia menyeludup keluar ayam sabung dan burung murai batu menggunakan sebuah bot fiber di kedudukan 2.1 batu nautika, barat laut, Pulau Anak Datai pada tengah malam Isnin.

Pengarah Maritim Malaysia Kedah/Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, penyeludup merentas negara menaiki bot yang disyaki bergerak dari Thailand menuju ke Indonesia untuk menghantar barangan seludup.

"Bot fiber berwarna hijau tanpa nombor pendaftaran itu dikesan sedang bergerak dalam keadaan mencurigakan menghala keluar dari perairan negara



Ayam sabung dirampas daripada penyeludup yang merentas negara menaiki bot dari Thailand menuju ke Indonesia pada tengah malam Isnin.

pada jam 11.25 malam," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati tiga lelaki berumur lingkungan 35 hingga 42 tahun di atas bot bersama 71 ekor ayam sabung dalam 60 buah kotak, tiga buah sangkar memuatkan 40 ekor burung murai batu serta 533 pokok kaktus pelbagai saiz.

"Bot itu berjaya dipintas jam 12.30 tengah malam dan dipercayai kesemua barangan itu termasuk 20 tong petrol dalam perjalanan untuk diseludup ke negara jiran," katanya.

Mohd Zawawi berkata, nilai keseluruhan rampasan dianggarkan RM1.02 juta termasuk sebuah bot dengan dua enjin 200 kuasa kuda.

"Penemuan ini adalah hasil maklumat risikan serta pengesanan radar Sistem Pengawasan Maritim Laut Malaysia (SWASLA), dengan bantuan bot ronda Maritim Malaysia yang melakukan rondaan Op

Aman serta Op Benteng," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, aktiviti penyeludupan ayam sabung dan burung murai batu mulai rancak susulan permintaan tinggi dari negara jiran, selain harga di pasaran Indonesia yang tinggi mencecah RM10,000 (35 juta rupiah) bagi ayam sabung.

"Burung murai batu (*copsychus malabaricus*) pula harganya boleh mencecah sehingga RM4,000 (14,138,500 juta rupiah).

Kemerduan suara burung murai batu dikatakan sukar ditandingi menyebabkan hidupan liar ini terus diseludup secara besar-besaran ke negara jiran berikutan permintaan tinggi dalam kalangan penggemar burung," katanya.

Mohd Zawawi berkata, kesemua suspek juga gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah ketika mereka ditahan.

FOTO: MARITIM MALAYSIA KEDAH/PERLIS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29.04.2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

LOKAL

Oleh Hamzah Osman
am@hmetro.com.my

Langkawi

71 ayam sabung dirampas

3 lelaki warga Indonesia turut ditahan bersama murai batu di perairan Langkawi

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kedah dan Perlis merampas ayam sabung serta murai batu bernilai RM870,000 di perairan Pulau Anak Datai di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Laksamana Pertama Maritim Mohd Zawawi Abdullah berkata, 71 ayam sabung dan 40 murai batu dirampas pada operasi jam 12.30 tengah malam.

"Turut dirampas pada Op Aman dan Op Benteng ialah 20 tong petrol dan 533 pokok kaktus pelbagai saiz. Ia dipercayai diseludup dari Thailand ke Indonesia.

"Tiga lelaki warga Indonesia berusia 35 dan 42 tahun turut ditahan untuk siasatan lanjut.

"Kami percaya, sindiket menjadikan Selat Chinchin di perairan Langkawi sebagai pusat transit memindahkan bahan terlarang untuk diseludup ke negara jiran," katanya pada sidang media di Jeti APMM di Bukit Malut



MOHD Zawawi (kiri) dan Zulinda menunjukkan sebahagian ayam sabung yang dirampas di Jeti APMM di Bukit Malut, Langkawi.

di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Pengarah Operasi Maritim

Malaysia Kedah dan Perlis (Seksyen Operasi), Kapten (M) Zulinda Ramly.

Mohd Zawawi berkata, siasatan mendapati aktiviti menyeludup haiwan hidup

dari Thailand ke Indonesia bukan pertama kali dilakukan sindiket terbabit me-

mandangkan permintaan tinggi di negara berkenaan.

"Tiga suspek yang ditahan juga gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri sah serta permit untuk membawa keluar ayam sabung serta murai batu.

"Di pasaran Indonesia, harga ayam sabung mencecah RM10,000 seekor, manakala murai batu RM4,000 seekor, bergantung kepada kualiti," katanya.

Nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan RM1.02 juta.

Kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 kerana memasuki Malaysia tanpa dokumen sah dan Akta Binatang 1953 kerana mengimport tanpa permit.

Kes turut disiasat mengikut Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 kerana memburu atau menyimpan mana-mana hidupan liar yang dilindungi.